

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 3**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana penggunaan *Internet of Thing* (IoT) dalam meningkatkan kemampuan kapasiti Lapangan Terbang Sultan Mahmud Terengganu terutamanya untuk menerima lebih ramai pelancong dari luar negara.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Teras 2 Dasar Pegangkutan Negara 2019-2030 memperuntukkan inisiatif untuk meningkatkan penggunaan teknologi dan pendigitalan dalam pengangkutan. Selaras dengan DPN, inisiatif *Internet of Things* (IoT) merupakan salah satu elemen utama yang dilaksanakan di bawah inisiatif *Airport 4.0* yang kini sedang dalam fasa percubaan di KLIA bermula bulan November 2019 sehingga awal tahun 2019. Melalui fasa percubaan tersebut, MAHB melaksanakan pengecaman muka dan cap jari secara digital bagi melicinkan pengurusan aliran penumpang bermula daripada kaunter daftar masuk sehingga pelepasan. Penggunaan IoT adalah sejajar dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 yang mana Malaysia dijangka akan menerima kedatangan pelancong-pelancong dari luar negara dalam skala yang besar.
2. Pada masa ini, pelaksanaan sistem tersebut di Lapangan Terbang Sultan Mahmud Terengganu serta lapangan-lapangan terbang lain masih di peringkat perancangan. Kaji selidik mendalam perlu dilakukan dari segi justifikasi komersial, model kewangan termasuk kapasiti semasa lapangan terbang tersebut sebelum ianya dapat dilaksanakan secara menyeluruh.
3. Dalam hubungan ini, Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu direka untuk menampung kapasiti penumpang berjumlah 1.5 juta setahun (MPPA). Rekod pencapaian tertinggi setakat ini berkaitan kapasiti di Lapangan Terbang Sultan Mahmud berjumlah 943,660 orang penumpang pada tahun 2017. Manakala pada tahun 2018 pula, jumlah penumpang adalah seramai 894,277 orang.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Lapangan terbang ini turut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan bagi penerbangan antarabangsa seperti Balai Perlepasan & Ketibaan Antarabangsa, Kaunter Pemeriksaan Imigresen, Kastam serta landasan

**NO. SOALAN : 3**

yang panjangnya 3,480 meter yang boleh menerima pesawat bersaiz besar.

5. Bagi meningkatkan jumlah penumpang di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, pihak Malaysia Airports dan Kerajaan Negeri Terengganu telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan rundingan yang berterusan untuk membawa masuk penerbangan *charter* terutama dari negara China ke lapangan terbang ini.

Sekian, terima kasih.